

Headline **MIMOS menang anugerah Perak**
Date **12 Aug 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **51 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **665**
PRValue **1,994**



MIMOS menang anugerah Perak

KUALA LUMPUR 11 Ogos – Pusat kajian utama dalam sempadan teknologi, MIMOS telah menerima Anugerah Perak sempena pencapaiannya dalam mempraktikkan latihan kesihatan serta keselamatan yang patut dicontohi.

MIMOS menerima penghargaan tersebut di Anugerah Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (MSOSH) Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (OSH) 2009.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, anugerah tersebut merupakan manifestasi kepada budaya keselamatan seperti inovasi yang wujud di MIMOS.

Anugerah tahunan keselamatan dan kesihatan MSOSH OSH bertujuan menghargai organisasi-organisasi yang menunjukkan rekod pencapaian memberangsangkan dalam sektor keselamatan dan juga kesihatan.